



KENYATAAN MEDIA

15 JUN 2025

**SELANGOR MELANCARKAN SIDANG WANITA SELANGOR (SIWANIS) 2025 KE ARAH
MEREALISASIKAN ASPIRASI 50 PERATUS PERWAKILAN WANITA**

1. Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat, dan Ekonomi Penjagaan melancarkan Sidang Wanita Selangor (SIWANIS) 2025 bagi kohort ketiga demi merealisasikan aspirasi 50 peratus perwakilan wanita dengan tema **“Ke Arah Mencapai 50 Peratus Perwakilan Wanita”**.
2. Seramai 74 orang wanita muda menyertai SIWANIS kali ini. Para peserta akan dilengkapkan dengan pengetahuan berkenaan proses pembuatan dasar dengan lensa gender, prosedur dan protokol dewan negeri, Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor, dan Peraturan-Peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor.
3. Para peserta juga akan diberikan pengalaman berdebat, dan 56 peserta terbaik akan dipilih untuk menyertai sesi lawatan lapangan bersama mentor, syarahan khas, serta sesi simulasi persidangan dan perbahasan dalam Sidang Kemuncak SIWANIS 2025, yang akan berlangsung pada 12 Ogos 2025 di Dewan Negeri Selangor.
4. Antara penambahbaikan bagi sesi SIWANIS kali ini ialah:
 - a. pendekatan “Mentor-Mentee” yang diperluas, peserta akan dipadankan dengan mentor daripada kalangan Ahli Dewan Negeri (ADN) pada 14 Julai 2025, bersempena Sidang DUN, bagi mendapatkan bimbingan secara langsung;
 - b. peningkatan kualiti kandungan dan tenaga pengajar, antaranya melibatkan YB Tan Sri Dato' (Dr.) Johari bin Abdul, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, yang dijangka memberi pengisian khas berkaitan kepimpinan Parlimen dan penggubalan dasar; dan
 - c. penyertaan dibuka kepada wanita dari seluruh Malaysia, menjadikan SIWANIS lebih kompetitif serta memperkukuh jaringan rentas negeri dalam perkongsian idea dan pengalaman.
5. SIWANIS 2025 ini dianjurkan oleh Wanita Berdaya Selangor (WBS) dengan kerjasama Pejabat Speaker Dewan Negeri Selangor. Tahun ini, Open University Malaysia (OUM) dan Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor (EMPOWER) turut menyertai sebagai rakan sokongan.
6. Penganjuran SIWANIS 2025 ini selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk merapatkan jurang gender dalam bidang pemberdayaan politik, selaras dengan Matlamat 4 Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Selangor 2024-2026, iaitu “mempercepatkan penyertaan, perwakilan dan pembuatan keputusan dalam kehidupan awam dan politik dalam kalangan wanita”.

ANFAAL BINTI SAARI

EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat